


SAMUDERA



*Kejohanan
Regatta
Kayak Sprin
Kebangsaan 2018*

*VSS-Indonesia
2018*

*Menempuh
Semester,
Thai Nguyen
Universiti,
Vietnam*

ISSN 2229-8363



9 771985 851000

SLOGAN UMT

*Terokan Seluas Lantan,
Demi Kelestarian Sejagat*

Hak Cipta Terpelihara © 2018. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

SINANG REDAKSI

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

PENASIHAT

Timbalan Naib Canselor HEPA
YBhg. Profesor Madya Ts. Dr Che Mohd Ruzaidi Ghazali

EDITOR PENGURUSAN

Pengarah PPHKP
Dr. Izan Binti Dato' Haji Jaafar

KETUA PENGARANG

MPP Exco Publisiti dan Penerbitan
Siti Zaharah Mahizi

TIMBALAN KETUA PENGARANG

MPP Exco Kebudayaan
Nor Shafeera Rasyada Shaiful Bahri

PEMBACA PRUF

MPP Exco Etika dan Protokol
Nor Ainsyafikah Binti Madiran
Wan Nur Izzati Wab Rafaie

PEREKA

MPP Exco Sukarelawan & Komuniti Luar
Sher-Aina Ahmad
Muhammad Nur Imran Johari

JURUFOTO

MPP Exco Penajaan & Hubungan Luar
Ahmad Faiz Ahmad Fazel
MPP Exco Kebajikan
Muhammad Shahril Juhaizi

WARTAWAN

Sher-Aina Binti Ahmad
Siti Zaharah Binti Mahizi
Nurul Nadhirah Binti Ruzelan
Muhammad Azri Bin Abdul Aziz
Mohammad Asyraf Adhwa
Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi
Nurul Izzati Jamalarus
Dheva Rhueben A/L Velaudam
Pazrilazran Pajjan
Izan Jaafar
Muhammad Khairul Imran Mizi
Muhamad Kairul Nizam Thamrin
Mohamad Ikwon Fahmi bin Zakaria
Alif Abdul Zarith Bin Abd Manaf
Kelab Pengacaraan Gemersik
Kelab Koir Voice of Harmony(VOH)
Muhammad Azri
Ahmad Arieff Bin Ahmad Azriff
Nor Zakiah Binti Imran

Kandungan



- 04 KEPIMPINAN MAJLIS KOLEJ SISWA 2017/2018
- 06 KEJOHANAN REGATTA KAYAK SPRINT KEBANGSAAN 2018
- 07 YSS 2018-INDONESIA
- 10 MENEMPUH SEMESTER DI THAI NGUYEN UNIVERSITI VIETNAM
- 12 MUZART FEST HIDUPKAN AKASIA
- 13 BIOSIS BUKAN KELAB AKADEMIK PICISAN
- 14 KEHANGATAN CULTURE RUN 2018
- 15 UNIVERSITY CHALLENGE
- 17 BELAYAR BERSAMA RV DISCOVERY
- 18 MENIMBA ILMU PENGACARAAN DI ANGKASAPURI RTM
- 19 BENGKEL AD-HTP DI UMT
- 21 YM RAJA SHAMRI BERSAMA SISWA APM UMT
- 22 UMT CREW & GREEN RANGERS BERGANDING BAHU
- 24 SUKARELAWAN AOK-GR
- 26 BORNEO CULTURE NIGHT 2018
- 28 RAJA CATUR UMT
- 29 KEMBARA APRESIASI ALAM CBL
- 30 MAKAN DENGAN CARA ANDA
- 31 AMALAN DI BULAN RAMADAN

LIKE AND FOLLOW US ON



penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt

MAJLIS KOLEJ SISWA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU 2017/2018



“MKS Cakna, Penggerak Keunggulan Mahasiswa”

Yang Dipertua

Saifu Fauzan Bin Aziz

Timbalan Yang Dipertua

Siti Aisyah Bt Mohd Najib

Setiausaha

Razan Izzati Binti A. Rashid

Bendahari

Nooryusra Liyana Binti Mohamad Zaini

Exco Bahasa & Komunikasi

Maisara Edina Binti Mohd Redzemi

Exco Bahasa & Komunikasi

Mohamad Zulkarnain Bin Mohd Dali

Exco Hal Ehwal Siswa & Kebajikan

Ain Shuhada Binti Aidi

Exco Hal Ehwal Siswa & Kebajikan

Rusyaidi Bin Rostam

Exco Publisiti & Penerbitan

Muhammad Syafiq Bin Zakaria

Exco Kerohanian & Pembangunan Sahsiah

Amal Amirah Binti Ahmad Sonhajee

Exco Pengantarabangsa & Hubungan Luar

Amirul Firdaus Bin Che Khaidir

Exco Keusahawanan, Penajaan & Kerjaya

Fatin Syazwani Binti Abdul Razak

Exco Sukan dan Kebudayaan

Muhammad Faizam Bin Mohd Bakri

Exco Keselamatan & Kesihatan

Normah Binti Mohd Yusop

Exco Kelestarian & Keceriaan

Sharifah Nursyafira Binti Syed Mohd Yusof



@majliskolejsiswaumt

KEJOHANAN REGATTA KAYAK SPRINT KEBANGSAAN 2018



16 ATLET KAYAK UMT



Kuala Ibai (24 Mac) : Seramai 16 orang atlet Kayak UMT telah menyertai Kejohanan Regatta Kayak Sprint Kebangsaan 2018 yang dianjurkan oleh Persatuan Kanu Terengganu. Pertandingan telah berlansung selama 3 hari menawarkan beberapa kategori seperti TK2 lelaki dan wanita (IPT), K2 lelaki dan wanita (IPT), dan K4 lelaki dan wanita (IPT). Penyertaan adalah di peringkat kebangsaan yang melibatkan atlet-atlet daripada beberapa buah universiti awam seperti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII), Universiti Teknologi Melaka (UTeM), dan beberapa organisasi lain seperti atlet SUKMA dan agensi kerajaan. Persaingan yang sengit antara semua peserta meruncingkan lagi semangat atlet UMT untuk berjuang mendapatkan pingat di mana UMT telah berjaya merangkul 3 pingat perak bagi acara TK2 lelaki, TK2 dan K2 wanita. Manakala 2 lagi pingat gangsa berjaya disumbangkan oleh atlet-atlet K2 dan K4 lelaki menjadikan jumlah keseluruhan 5 pingat berjaya dibawa pulang sekaligus mendapat tempat kedua terbaik bagi kategori keseluruhan. Sesi penyampaian pingat kepada semua pemenang telah dilaksanakan oleh Y.Bhg, Tuan Haji Ibni Bin Busu, Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu dan En Dzulkifli Abas, selaku Presiden Persatuan Kanu Terengganu. Kemenangan atlet kayak UMT ini membuktikan usaha gigih dan langkah untuk membawa nama kelab UMT Wavebreaker dan Universiti Malaysia Terengganu dalam sukan air ke peringkat yang lebih tinggi. Semoga atlet kayak UMT terus maju jaya pada masa akan datang. Tahniah kepada semua!

Sukarelawan Siswa 2018

YSS 2018 | INDONESIA | FASA 1



18 Februari 2018 – 8 Mac yang lalu, 2 orang pelajar UMT telah dipilih oleh Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) untuk terlibat dalam misi kesukarelawanan di Kabupaten Belitung Indonesia. Pelajar yang terpilih ialah Sher-aina Ahmad (Sarjana Muda Sains Komputer Informatik Maritim) dan Mohd Afiq Aizuddin Bin Md Din (Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial). Misi ini adalah berobjektifkan melahirkan seorang pemimpin sukarelawan yang bertaraf global. Selain itu, ingin melahirkan seorang pelajar yang holistik. Dapatan daripada misi ini ialah satu pendedahan yang membuka minda para sukarelawan tentang konsep sebenar sukarelawan, memberi satu suntikan semangat untuk terus membantu masyarakat global seterusnya memberi inspirasi kepada ramai lagi pelajar untuk terlibat dengan lebih aktif dalam kerja kesukarelawanan.



YSS 2018 KABUPATEN BELITUNG INDONESIA

Aktiviti bersama penduduk kampung:

Medical check-up secara percuma kepada warga kampung.

Mengunjungi penduduk kampung untuk memberi makluman tentang senaman lanjut usia yang dijalankan.

Ahli YSS turut bersama lembaga pengarah dalam mengecat tembok kawasan.



**EYE
SCREENING**

SIMULASI

BERUS GIGI

**SESI TAARUF
BERSAMA
PELAJAR
SEKOLAH
DASAR**

MENEMPUH SEMESTER DI THAI NGUYEN UNIVERSITY, VIETNAM

12 MAC 2017 HINGGA 14 JULAI 2017

ASEAN INTERNATIONAL MOBILITY FOR STUDENTS (AIMS)

• Malaysia • Indonesia • Thailand • Vietnam • Brunei • Philippines • Japan • South Korea



Program Completion Certificate
AIMS Exchange Student
with



H.E Mohd Zamruni bin Khalid
(Ambassador Malaysia to Socialist Republic of Vietnam)



MUHAMAD AZRI BIN ABDUL AZIZ | MOHAMMAD FERDAUS BIN ILYAS
SARJANA MUDA PENGURUSAN MARITIM



Muhamad Azri bin Abdul Aziz (Presiden Kelab Mahasiswa Pengurusan Maritim) dan Mohammad Ferdaus bin Ilyas (Mantan Exco Keselamatan dan Logistik Kelab Mahasiswa Pengurusan Maritim) merupakan pelajar yang dipilih oleh Pusat Pengajian dibawah seliaan Prof Madya Datin Dr Norhayati binti Haji Shariff untuk menjalani program pertukaran pelajar ini. Kami merupakan Pelajar Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) di Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim.

Kehidupan di Thai Nguyen, perlu diadaptasi dengan budaya kehidupan yang jauh berbeza dari Malaysia. Antara cabaran yang utama adalah cabaran mendapatkan makanan halal di Thai Nguyen kerana pekan ini bukanlah bandar utama yang mudah untuk mendapatkan makanan halal. Saya dan Ferdaus terpaksa memasak pada setiap hari. Kebanyakan menu makanan kami hanyalah berasaskan ubi kentang dan menggunakan bahan makanan yang dibawa dari Malaysia.



Di samping itu, kami meluangkan masa terluang dengan melawat rumah ibu bapa rakan sekelas. Dengan hanya menghidangkan makanan berasaskan ikan menunjukkan tanda mereka menghormati kami apabila kami meziarahi ke rumah mereka.



Akhir sekali, kami juga merasa sangat beruntung kerana Duta Malaysia di Vietnam iaitu TYT Tuan Zamruni Khalid dan staf kedutaan Malaysia di Vietnam sangat mengambil berat mengenai keadaan kami di sini. Kami dijemput khas ke rumah duta bagi berbuka puasa dan rumah terbuka hari raya Aidilfitri. Pihak kedutaan juga telah datang ke Thai Nguyen University bagi meninjau keadaan kami.

Kenali Kelab

12 Samudera | Jun 2018

MUZART FEST HIDUPKAN AKASIA



J ulung kalinya telah diadakan program “Music And Art Festival 2018” (MUZART FEST) anjuran kelab koir UMT, Voice of Harmony (VOH) di bawah kelolaan Pusat Kesenian dan Kebudayaan (HEPA) telah menghidupkan nama baik AKASIA atau sinonimnya dikenali sebagai Angkatan Anak Seni (AKASIA). Pelbagai aktiviti menarik yang telah menarik minat pelajar dalam bidang muzik dan nyanyian seperti “Music is For Everyone” Workshop, Art Therapy – the Beauty of Traditional Music, Karnival Jualan dan Santai Seni pada malam penutupan MUZART Fest. Dengan jangkaan waktu hampir selama tiga (3) hari bermula 29 Mac sehingga 31 Mac 2018, MUZART Fest telah berjaya melatih mahasiswa/i yang berminat dalam bidang muzik untuk menguasai sesuatu alat muzik bertempat di Studio Kebudayaan dan Kolej Siswa UMT.



M uzart Fest dimeriahkan lagi dengan malam Santai Seni 2018 yang merupakan persembahan kebudayaan gabungan kelab kebudayaan dibawah naungan Angkatan Anak Seni UMT (AKASIA) yang telah dihadiri hampir 2000 pelajar UMT dan orang luar. Pelbagai persembahan telah dipersembahkan antaranya tarian, nyanyian, dikir barat, persembahan akustik dan lain-lain. Malam Santai Seni 2018 ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Ghazali, Pengarah Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar (PPHKP), Dr Izan Dato' Haji Jaafar, Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, En. Badruhisham Darus, Exco Kebudayaan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Saudari Nor Shafeera Rasyada Shaiful Bahri dan Presiden AKASIA, Saudara Muhammad Hafizin Jamil Yusof. Menerusi keseluruhan agenda MUZART Fest yang telah diadakan ini, ia dapat meningkatkan minat pelajar untuk terus bergiat aktif dalam bidang muzik moden mahupun tradisional sekaligus mempertahankan seni muzik tradisional yang semakin dilupakan oleh masyarakat sekarang.

BIOSIS BUKAN KELAB AKADEMIK PIGISAN



KEPIMPINAN BIOSIS SESI 2017/2018



“Kalau tidak dipecahkan ruyung, mana nak dapat sagunya”, jadi jika kita berusaha untuk menaikkan nama kelab, pasti usaha itu tidak sia-sia. Kelab Gabungan Mahasiswa Biologi (BIOSIS) merupakan salah satu kelab yang berpegang pada prinsip tersebut.

Objektif utama kelab ini ialah menjalankan dan memajukan kegiatan-kegiatan sukan, riadah, sosial dan kebajikan dalam kalangan ahli BIOSIS. Demi mencapai objektif ini, kelab BIOSIS yang diketuai oleh saudara Shahrul Zamir dan dibantu oleh majlis tertinggi

dan exco bagi sesi 2017/2018 telah menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan sahsiah dan melahirkan pelajar yang holistik selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Kejayaan terbesar kelab Biosis pada sesi kali ini ialah dengan berlangsungnya program “Science Convention 2018” pada bulan Mac yang lalu. Program ini diwujudkan atas inisiatif untuk perkongsian ilmu sains biologi dan pengurusan kelab sains biologi

antara tiga buah universiti, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sendiri. Selain itu, program ini juga telah melibatkan penyertaan kelab-kelab akademik sains di UMT bagi mewujudkan persefahaman antara kelab-kelab akademik UMT melalui slot “Your Future Career Talk” yang amat berguna untuk memohon pekerjaan nanti.

“Biosis, terokaan sains kehidupan.”



Culture Run merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan oleh CESF. Apa itu CESF? CESF (Career, Entrepreneurship & Skills Festival) adalah satu festival di mana terdapat beberapa kelab universiti dan akademik seperti Hevotech, MyAgrosis, Usahaniaga, CPC, Enactus, Kosiswa, Integra dan MPP UMT di mana ia bertujuan untuk memberikan peluang kepada mahasiswa UMT terutamanya untuk menceburi bidang keusahawanan dan membuka minda serta peluang bagi mahasiswa untuk melahirkan graduan bercirikan keusahawanan dan mampu menjana pekerjaan sendiri kelak. Oleh yang demikian, Culture Run merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan sempena Pre CESF iaitu pada 24 Mac 2018. Pre CESF yang bertarikh 22 - 25 Mac 2018 bertujuan untuk memperkenalkan CESF yang berlangsung pada 13 - 15 April 2018 di Universiti Malaysia Terengganu.

Pada 24 Mac 2018, tarikh di mana Culture Run berlangsung yang dirasmikan oleh Pengarah CEC iaitu YBhg. Dr. Shaari bin Abd Rahman yang bertempat di Tapak Canselori (permulaan) dan berakhir di Sanggar Siswa. Mengapa kami memilih tema *culture* atau budaya?. Tema *Culture* atau budaya ini dipilih dan diketengahkan adalah untuk menerapkan nilai budaya asli dan keunikan setiap kaum. Di samping itu, tema ini diketengahkan dengan harapan mahasiswa belia kini lebih menghargai nilai klasik dan keunikan itu sendiri. Oleh hal yang demikian, setiap peserta yang menyertai larian ini dibekalkan

dengan potongan kain batik sebagai simbolik budaya masyarakat Melayu. Bagi program ini, syukur alhamdulillah kerana kami menerima tajaan daripada pihak Oblong, FAMA (Federal Agricultural Marketing Authority) dan juga LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia).

Larian adalah sepanjang 5 km dan terdapat 2 *check point*. Setiap satu *check point* para peserta diberikan satu lagi potongan kain batik dan *check point* kedua, para peserta mendapat *button badge* yang disediakan khas bagi semua peserta dan juga ahli jawatan kuasa Culture Run. Di akhir garisan penamat, kesemua peserta berkumpul di Sanggar Siswa dan setiap peserta mendapat satu Oboolat Junior dan air mineral yang ditaja khas oleh Oblong dan *Medal Finisher* bagi setiap pelajar. Di samping itu juga, hadiah yang kami tawarkan adalah hamper dan pingat bagi pemenang tempat pertama hingga kesepuluh di mana dua hamper bagi tempat pertama (lelaki dan perempuan) dan juga pingat pemenang, dua hamper bagi tempat kedua (lelaki dan perempuan) dan pingat pemenang, dua hamper tempat ketiga (lelaki dan perempuan) dan juga dua hamper untuk penampilan paling kreatif disediakan. Daripada sudut yang kami lihat, kebanyakan pelajar UMT bersungguh-sungguh untuk berlari hingga ke garisan penamat.



CULTURE RUN



ANJURAN KELAB KEBUDAYAAN
MAHASISWA/I SABAH
(KEMASIS) SESI 17/18

UNIVERSITY CHALLENGE

MENCUNGKIL POTENSI
MAHASISWA



UNIVERSITY CHALLENGE merupakan program yang diasaskan pada tahun 1962 di Eropah iaitu dengan mempertandingkan para pelajar yang berasal dari universiti-universiti bertaraf dunia seperti Oxford, Harvard dan sebagainya. University Challenge ini merupakan program yang berkonsepkan menjawab kuiz antara wakil-wakil Pusat Pengajian. Program ini ialah program yang julung kali diadakan di Malaysia yang bertempat di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu. Apa yang lebih istimewanya lagi, soalan-soalan yang diajukan ialah soalan yang didatangkan khas oleh beberapa pensyarah daripada setiap Pusat Pengajian. Ia menjadikan program ini lebih mencabar minda dan menguji kemahiran berfikir para peserta.

Program ini bukan sahaja dapat mengasah minda para peserta, tetapi juga dapat mengeratkan silaturahim antara mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu. Perasmian program ini, Dr Izan Binti Dato Haji Jaafar berkata "Program ini boleh dijadikan sebagai program tahunan UMT dan dapat dikembangkan lagi dengan menjemput universiti-universiti luar". Program ini juga mendapat sokongan daripada Professor Dato' Dr Nor Aieni binti Haji Mokhtar selaku Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu dengan petikan kata-kata beliau iaitu "Good job anak Sabah!".



Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA) akhirnya telah berjaya merangkul sebagai juara musim pertama, sekaligus dinobatkan sebagai Tokoh Siswa University Challenge 1.0, diikuti tempat kedua iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK) dan tempat ketiga ialah Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur (PPSPA). Namun begitu, Pusat Pengajian yang lain juga menunjukkan persaingan yang sengit dalam merebut kedudukan yang terbaik.



Pengarah program iaitu Saudara Pazrilazran Bin Paijan merangkap Presiden Kelab Kebudayaan Mahasiswa/i Sabah (KEMASIS) sesi 17/18 berkata, "Saya sangat berpuas hati dengan Program University Challenge ini kerana berjalan seperti yang saya inginkan. Apatah lagi saya menerima banyak maklum balas positif daripada peserta itu sendiri, penonton serta kakitangan yang terlibat. Saya juga mendapat sokongan dari pihak PPHKP dan kelab-kelab lain dalam memeriahkan lagi program ini pada masa akan datang dan sekiranya diberikan peluang, In Sya Allah saya akan melakukan peningkatan yang lebih baik. Program yang berunsurkan akademik ini juga secara tidak langsung dapat melahirkan mahasiswa-mahasiswi yang berdaya saing, bijaksana dan berketerampilan".



Belayar Bersama RV DISCOVERY



Pada 12 hingga 14 april 2018 yang lalu, pelajar tahun 2 SMSG Teknologi Maritim telah mengadakan satu program di bawah subjek MMT3105 Makmal Teknologi Marin 2. Program ini merupakan kerja lapangan bagi kursus Makmal Teknologi Marin 2. Kerja lapangan tersebut telah diadakan di Teluk Keke, Pulau Besar, Pulau Perhentian, Kuala Besut, Terengganu. Semua pelajar tahun 2 SMSG Teknologi Maritim bermalam di dalam khemah selama 3 Hari 2 Malam. Para pelajar juga memasak makanan mereka sendiri sepanjang kerja lapangan tersebut dijalankan. Antara aktiviti utama kerja lapangan tersebut ialah aplikasi panel solar untuk tujuan pencahayaan tapak perkhemahan pada waktu malam dan juga untuk mengecap telefon mudah alih pelajar dan staf serta pegawai pengiring. Antara aktiviti lain ialah mengenalpasti kestabilan kapal.

Para pelajar menaiki RV Discovery secara berkumpulan dan diberikan satu tugas untuk mengenalpasti kestabilan kapal pada aras yang berbeza. Kestabilan kapal juga diaplikasikan semasa para pelajar berada di atas RV Discovery yang sedang bergerak. Sesetengah pelajar tahun 2 SMSG Teknologi Maritim berpeluang untuk berlayar menaiki RV Discovery dari Jeti Marina Resort, Pulau Duyong hingga ke Jeti Teluk Keke. Tempoh perjalanan memakan masa selama 4 jam. Aktiviti seterusnya para pelajar didedahkan dengan cara penggunaan 'Echo Sounder' di dalam situasi sebenar. Antara aktiviti sampingan yang dijalankan ialah aktiviti 'Water Confident' dan 'Giant Strike'. Aktiviti ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada aktiviti air memandangkan program SMSG Teknologi Maritim berkait rapat dengan aktiviti kelautan. Kesimpulannya, para pelajar telah didedahkan dengan aplikasi perkapalan di dalam dunia sebenar. Pengalaman berharga sebegini amat sukar untuk dirasai di tempat tempat lain selain UMT.

MENIMBA ILMU PENGACARAAN DI ANGKASAPURI RTM



Awal April yang lalu, ahli Kelab Pengacaraan dan Komunikasi (GEMERSIK) telah menjelajah dunia pengacaraan dengan lebih mendalam di Angkasapuri RTM bertempat di Kuala Lumpur. Antara objektif utama lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada ahli kelab tentang dunia pengacaraan secara langsung. Di samping itu, pada sebelah malamnya pula telah diadakan Majlis Makan Malam Bersama Alumni di Montere Golf Resort, Shah Alam bagi sesi beramah mesra bersama para alumni GEMERSIK yang telah berkerjaya. Walaubagaimanapun, objektif artikel kali ini adalah tertumpu kepada input dan aktiviti yang diadakan di Angkasapuri RTM.

Lawatan berakhir dengan input yang cukup bermakna ketika lawatan ke konti radio Angkasapuri RTM yang terdiri hampir 8 saluran radio nasional, 24 saluran radio negeri dan saluran radio daerah serta tiga saluran televisyen. Kami turut diberi kesempatan untuk merasai pengalaman berada di kawasan konti dan beramah mesra bersama penyampai radio yang sedang bersiaran ketika itu. Input dan pengalaman yang kami dapat mampu membantu kami untuk menguasai bidang ini dan praktikkannya di konti UMT.FM dan dunia pengacaraan pada masa hadapan.



ART DRAWING HOUSE TREE PERSON (AD-HTP)



BENGKEL AD-HTP

ENCIK MOHD RADHI BIN ABU SHAHIM

**20-21 APRIL 2018
JUMAAT-SABTU
(8:00 AM – 5:00 PM)**

**TEMPAT :
DSJ - Jumaat
KK3 - Sabtu**




pekaOfficial_2017



PekaOfficialUMT

Kelab Pengurusan Kaunseling (PEKA) telah mengadakan bengkel Art Drawing House Tree Person (AD-HTP) pada 20-21 April 2018 di mana program ini melibatkan seramai 72 orang pelajar Sarjana Muda Kaunseling. AD-HTP adalah terapi diagnosis dan intervensi psikologi berdasarkan rumah, pokok dan orang. Program ini adalah bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada kaedah baru yang boleh diaplikasikan dalam konteks dunia kaunseling selain teknik, kemahiran dan teori yang dipelajari di dalam kuliah. Program ini telah memberi manfaat kepada semua peserta yang terlibat dan membuka mata pelajar kaunseling bahawa penting untuk mereka mempelbagaikan kaedah dalam mengendalikan sesi kaunseling supaya lebih efisien dan sistematik dalam menuju ke arah pembangunan diri individu secara holistik. Dalam menghadapi era globalisasi kini, program sampingan seperti ini adalah penting kepada diri pelajar kaunseling sebagai satu tiket untuk menempa diri di pasaran kerja serta memberi nilai tambah dalam menyiapkan diri agar lebih terbuka dan profesional dalam bidang kaunseling di mata dunia. Bengkel ini telah dikendalikan oleh En Mohd Radhi Bin Abu Shahim K.B, P.A (ahli akademik psikologi dan kaunseling) di Universiti Malaysia

Terengganu (UMT). Beliau merupakan salah seorang penyelidik dan penggubal bersama PM. Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip (Ahli akademik psikologi dan kaunseling) di UPSI, Pengasas Modul Persijilan Psiko-Numerologi, Pensijilan AD-HTP, Pensijilan NLP-Ist, Pensijilan Neo-CBT, Pensijilan Terapi Kebangkitan Spiritual (TKS). Beliau yang lebih mesra dikenali sebagai Cikgu Radhi juga seorang pengamal dan bertindak sebagai tenaga pengajar bengkel pada hari tersebut yang bertempat di Kompleks Kuliah Berpusat, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Meskipun pelbagai komitmen yang beliau harus laksanakan namun keazaman dan kesungguhan yang dipamerkan telah memberikan dorongan kepada pelajar untuk lebih bersemangat dengan bengkel yang dijalankan. Selain teknik Art Drawing, NLP, Hipnosis, Art Therapy dan Neumorologi, hari ini AD-HTP dilihat telah berada seiring dengan semua kaedah yang diketengahkan. Ringkasnya, peserta mendapat manfaat dan kebaikan secara menyeluruh melalui bengkel yang telah dijalankan.



bersama Siswa APM UMT



Pada tanggal 28 Mac 2018, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal (PPAL) dengan kerjasama Pasukan Siswa APM UMT atau lebih dikenali sebagai SISPA yang terdiri daripada Pegawai Tertinggi, Pegawai Kadet Lanjutan, Pegawai Kadet Kanan serta Pegawai Kadet Muda bersama-sama telah menjayakan Program syarahan umum yang bertajuk "Keterlibatan Kesukarelawan Pelajar IPTA Malaysia" dengan menjemput pengasas THE THIRDFORCE, YM. Raja Shamri Raja Husin sebagai panel utama. Majlis yang penuh mulia ini telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr Saharuddin Bin Abdul Hamid selaku Pengarah Pusat Ko-kurikulum. Program ini juga berlangsung dengan meriahnya di Auditorium Mahyuddin, PPPPM dengan kehadiran pelajar-pelajar Universiti Malaysia Terengganu serta pegawai-pegawai dan staf.





UMT CREW DAN GREEN RANGERS BERGANDING TENAGA DALAM EKSPLO TERENGGANU 2018



UMT CREW dan GREEN RANGER berganding bahu dan tenaga dalam penggerak pendidikan, pembersihan dan pengurusan sisa pepejal di Ekspo Terengganu 2018 selama 8 hari bermula daripada 25 Februari hingga 3 Mac 2018. Lebih 220 ahli UMT CREW dan 80 ahli Green Rangers telah terlibat dalam Ekspo Terengganu 2018 yang dibantu, diselenggara dan dipantau bersama pihak kontraktor, SWCorp dan Jawatankuasa Ekspo. Skop UMT CREW lebih kepada aktiviti pembersihan, pengasingan dan pembuangan sisa pepejal manakala Green Rangers menumpukan kepada kempen pendidikan, penyampaian maklumat mengenai tatacara pengasingan dan 3R serta aspek kesedaran mengenai kebersihan kepada pengunjung. Pasukan UMT CREW dan Green Rangers dibahagikan kepada kumpulan dan zon masing-masing. Lebih 25 tan sampah telah dihantar ke tapak pelupusan.

UMT CREW adalah merupakan kumpulan pelajar berdaftar bagi platform hebahan dan pengurusan kerja sampingan para pelajar UMT. Sejak dibentuk Mac tahun lalu, sehingga kini lebih daripada 600 ahli UMT berdaftar yang telah dikelolakan oleh Kelab Usahaniaga di bawah Pusat Keusahawanan dan Kerjaya, HEPA. Green Rangers pula merupakan kumpulan sukarelawan yang terdiri daripada para pelajar UMT sebagai sukarelawan. Kumpulan ini telah dibentuk pada tahun 2016 dan telah dilancarkan pada 2016 dengan kerjasama SWCorp Negeri Terengganu semasa Program Beach Clean Up sempena Ekspo Mampan 2016 di Pantai Peranginan Kelulut, Marang. Aspirasi Green Rangers adalah menjurus kepada program-program serta

Ekspo Terengganu 2018: Didik masyarakat kepentingan kitar semula

By Mohamad Firdaus Musa - 26 February 2018

253 0



Penolong Pegawai Penguatkuasa SWCorp Mohd Syawal Samsudin

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menggunakan platform Ekspo Terengganu 2018 untuk mendidik masyarakat mengenai kepentingan kitar semula bahan buangan.

Sukarelawan kebersihan bantu Ekspo Terengganu 2018

By Mohamad Firdaus Musa - 26 February 2018

503 0



Alif Hakimi Zalimin

TEKUS & TULUS
Sinar
ONLINE

Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Video Global

299 sukarelawan jaga kebersihan tapak ekspo

NURUL HUDA HUSAIN
3 MAC 2018

Facebook Twitter WhatsApp Email More 85



Kesukarelawan
Samudera | Jun 2018

23

aktiviti yang berunsurkan kelestarian alam.

Keterlibatan kumpulan Green Rangers dalam Ekspo Terengganu 2018 merupakan susulan daripada kejayaan modus operandi semasa Pesta Konvo UMT 2018 yang menjalankan skop yang sama. Kesan yang sangat positif dan signifikan kerjasama ahli Green Rangers bersama pihak kontraktor dan pekerja pada ketika itu telah menarik minat kontraktor yang dilantik semasa Ekspo Terengganu untuk melaksanakan kaedah yang sama dalam memberi pendidikan dan meningkatkan kesedaran kepada orang ramai. Kontraktor yang sama turut menawarkan peluang pekerjaan pekerja pembersihan kepada ahli UMT CREW yang serampang dua mata untuk membantu membersihkan kawasan tapak Ekspo dan dalam masa yang sama membantu para pelajar UMT yang memerlukan bantuan kewangan dengan bayaran gaji mengikut jam dan zon bekerja.

Keterlibatan dan kerjasama padu antara UMT CREW, Green Rangers, Kontraktor dan SWCorp serta Jawatankuasa Ekspo Terengganu telah mendapat respon yang sangat positif khasnya daripada Kerajaan Negeri Terengganu sebagai penganjur serta orang ramai yang rata-rata menyifatkan model pengurusan sisa pepejal yang dilaksanakan perlu diteruskan pada masa-masa akan datang dalam mana-mana penganjuran acara. UMT CREW dan Green Rangers turut sama diraikan dalam majlis makan malam penghargaan petugas Ekspo Terengganu yang turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Terengganu.

Apa yang diharapkan ialah aktiviti kesukarelawan Green Rangers dapat terus menarik minat dan meningkatkan motivasi orang ramai untuk terus memperjuangkan aspek kelestarian alam yang perlu dijaga untuk masa hadapan. Keahlian UMT CREW yang saban waktu meningkat dari semasa ke semasa memberi tanda aras bahawa para pelajar UMT sememangnya memerlukan sokongan bantuan duit sampingan untuk menyara sara hidup seharian.

Sukarelawan AOK-GR Penggerak Aktiviti Kebajikan Keperluan Makanan Dan Minuman Mahasiswa UMT



Sejak diusahakan pada Februari 2017 yang lalu, gerakan yang dinamakan “AOK” – Act of Kindness yang merupakan inisiatif penyediaan makanan siap percuma kepada para pelajar yang kurang berkemampuan dan sangat memerlukan semakin bertapak teguh. Projek yang diasaskan oleh Dr. Wan Rafizah Wan Abdullah dan Dr. Nazaitulshila Rasit kedua-duanya dari PPKK bermula dari satu stesen di Kompleks Kuliah Berpusat, kemudian berkembang ke stesen ke-2 di Anjung Mutiara dan seterusnya stesen ke-3 di PPSA & PPIMG semakin berkembang dengan baik. Pembinaan kiosk untuk menempatkan ketiga-tiga stesen tersebut yang asalnya hanya bakul di atas meja dan dinaiktaraf menjadi kiosk telah mendapat sumbangan daripada PUSPANITA Kementerian Kewangan. Pada awal tahun 2018 ini pula, pihak HEPA telah menyumbang dengan penambahan dua lagi kiosk yang sama bagi stesen ke-4 di Kompleks Siswa dan stesen ke-5 di Pusat Islam Sultan Mahmud.

Projek “GR” – Gerobok Rezeki@Anjung Mutiara UMT pula diasaskan oleh Dr. Izan Jaafar dari PPSMS/PPHKP di bawah portfolio Exco Komuniti dan Sosial, Kelab Wanita UMT atau lebih dikenali dengan nama MUTIARA. Projek ini mengambil cetusan idea daripada “Projek gerobok” yang telah dilaksanakan di masjid-masjid yang mengambil bahagian di seluruh Malaysia. Projek GR mendapat sokongan padu dari Kelab Mutiara yang telah bermula sejak Mac 2017. GR adalah merupakan projek yang menyediakan keperluan makanan dan minuman kering serta keperluan asas harian kepada para pelajar yang kesempitan dan sangat memerlukan. Pusat Operasi GR terletak di Anjung MUTIARA, iaitu bilik operasi Kelab MUTIARA yang terletak di aras bawah, Bangunan PSNZ.





AKTIVITI-AKTIVITI AOK-GR

Kedua-dua projek AOK dan GR berdiri teguh dan semakin berkembang baik dengan adanya sumbangan berterusan daripada penyumbang budiman yang terdiri daripada para kakitangan UMT, alumni UMT dan orang perseorangan yang prihatin.

Kumpulan penggerak yang membantu operasi dan pelaksanaan kedua-dua AOK dan GR adalah merupakan kumpulan sukarelawan pelajar yang terdiri daripada para pelajar diploma, sarjana muda dan sarjana dari segenap program pengajian, rumpun kaum, bangsa dan agama. Pada awal penubuhan kumpulan sukarelawan ini pada Mac 2017, saudara Muhammad Khairul Imran Mizi telah dilantik sebagai Ketua Sukarelawan dan bermula pada Februari 2018 tahun ini, saudara Muhamad Kairul Nizam Thamrin pula diberi kepercayaan untuk mengetuai sukarelawan AOK-GR. Kumpulan sukarelawan ini dibentuk untuk membantu kelicinan susun atur makanan untuk AOK dan pengendalian operasi GR di Anjung Mutiara.



Sehingga kini, sukarelawan AOK-GR telah menghampiri 100 orang. Antara skop para sukarelawan yang penuh dedikasi ini adalah membantu menjadi 'runner' untuk pengambilan dan penyusunan makanan AOK, pembelian stok barangan yang disediakan di gerobok, pembukaan dan penjagaan bilik operasi GR, dalam membantu pelajar dalam pengambilan barangan dan jualan amal GR. Beberapa aktiviti bagi menjana tabung GR juga giat dilaksanakan serentak iaitu jualan amal minuman, pakaian dan buku terpakai, projek kitar semula dan beberapa aktiviti lain yang sedang dirancang. Sehingga kini, sukarelawan AOK GR juga telah membantu dalam penyediaan projek-projek khas AOK iaitu Pek Iftar AOK Ramadhan 2017, Pek Exam AOK 2018 dan akan datang AOK dan Pek Iftar AOK Ramadhan 2018.

Aspirasi kedua-dua AOK dan GR adalah untuk membantu para pelajar yang benar-benar berada dalam kesempitan. Adalah amat diharapkan objektif AOK dan GR Berjaya mencapai matlamatnya dengan membantu mengurangkan beban golongan pelajar yang kurang berkemampuan dan sangat memerlukan. Kami mengalu-alukan keahlian para sukarelawan yang mempunyai komitmen, minat yang tinggi dalam masa yang sama membantu rakan-rakan yang memerlukan. Sumbangan bagi kedua-dua projek AOK dan GR juga amat diharapkan bagi keberlansungan dan kelestarian projek ini.

Borneo!



CULTURE NIGHT

ANJURAN KEMASIS | KERJASAMA KKS

18/04/18 (RABU) - Kelab Kebudayaan Mahasiswa/i Sabah (KEMASIS) telah menganjurkan sebuah program "Borneo Culture Night 2018" yang telah diadakan di Auditorium Mahyudin, PPPPM, UMT.

Program yang diadakan bermula pada jam 8 malam sehingga 11 malam ini bertujuan untuk memperkenalkan budaya dan tradisi yang terdapat di Kepulauan Borneo dan memberi pendedahan serta pengetahuan am kepada orang ramai tentang asal usul, kepercayaan di negeri Sabah dan Sarawak bagi mengeratkan lagi hubungan sesama anak Sabah dan Sarawak di UMT.

Dengan pengisian menarik seperti persembahan teater yang bertajuk "Humi & Rentap" dan Peragaan pakaian kaum yang terdapat di Sabah dan Sarawak iaitu kaum Kadazan Dusun, Bajau, Suluk, Bugis, Bidayuh, Ulu dan Iban serta nyanyian dan tarian tradisional.

Program ini dirasmikan oleh Dr. Izan Bt Dato Haji Jaafar selaku Pengarah PPHKP dan diiringi bersama En. Badrulhisham, Pengarah Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Dr. Shaari Abd Rahman, Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC) dan Saudari Raziyaton Binti Raghazli, Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2017/2018, Universiti Malaysia Terengganu.

Borneo Culture Night 2018 merupakan satu program yang julung kali diadakan di UMT yang mana program ini menyatukan kelab KEMASIS dan KKS. Hubungan baik antara kedua-dua kelab ini mampu mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sekaligus memeriahkan lagi perjalanan program ini. Program yang bertemakan budaya borneo ini amat disukai ramai kerana keunikan yang ada pada negeri Sabah dan Sarawak ditonjolkan kepada pelajar UMT sendiri.



“

Saya berasa amat berpuas hati dengan kerjasama semua ahli kelab dari Sabah dan Sarawak. Kerjasama oleh AJK-AJK pelaksana telah membuktikan bahawa KEMASIS mampu menjalankan program seperti ini yang lebih besar pada masa akan datang.

Pazrilazran Pajjan
Presiden KEMASIS,



“Tiket yang berharga RM 6 setiap orang berjaya dijual selama 30 minit sebaik sahaja kaunter penjualan tiket di buka pada 7/4/18 iaitu seminggu sebelum program ini berlangsung. Walaupun semua tiket telah habis dijual, masih banyak permintaan daripada pelajar UMT sendiri. Saya amat berbangga kerana hasil kerja titik peluh oleh kami semua berbaloi dan dapat menggembarakan penonton yang datang. Program ini dijangka akan mendapat lebih sambutan daripada pihak luar pada musim akan datang kerana program ini berjalan dengan begitu lancar sekali.” kata Pengarah Program

————— NUR FARHANNATUL AMALINA BT PAJUDIN —————

RAJA CATUR UMT

Dheva Rhueben A/L Velaudam, pelajar tahun 2 Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) yang menuntut di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menjuarai beberapa kejohanan catur bukan sahaja di peringkat UMT, malah di peringkat negeri dan juga kebangsaan. Dheva, yang dikenali sebagai "Raja Catur UMT" merupakan anak kelahiran negeri Selangor.



FESTIVAL CATUR KELANTAN 2018

SMKA FALAHIAH PASIR PEKAN

TARIKH : 16-18 FEBRUARI 2018
TEMPAT : DEWAN TOK SELEHOR, SMKA FALAHIAH

HADIAH WANG TUNAI BERJUMLAH SEHINGGA RM 10,000.00

KATEGORI
12 KATEGORI PERINGKAT UMUR BAWAH 8, 10, 12, 14, 16, & 18 TAHUN
LELAKI & PEREMPUAN
1 KATEGORI TERBUKA (FIDE RAPID RATED)

KAWALAN MASA
20 MINIT (7 PUSINGAN SISTEM SWISS)

ANJURAN
PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN CATUR NEGERI KELANTAN
SMKA FALAHIAH PASIR PEKAN,
TUMPAK KELANTAN

DENGAN KERJASAMA
MAJLIS SUKAN SEKOLAH NEGERI KELANTAN
PERSATUAN CATUR NEGERI KELANTAN

<http://FCK2018.wasap.my>

PENCAPAIAN

Pertandingan Catur Antara UNISZA dan UMT (Johan)

Kejohanan Raja Catur UMT (Johan)
GACC International Inter-varsity Chess Championship 2017 di Universiti Malaya (Johan)

Kejohanan Catur Terbuka Musim Tengkujuh 2017 (tempat ke-7 keseluruhan)

Festival Catur Kelantan 2018 (pingat emas bagi kategori pelajar IPT)

Bima Open Chess Tournament 2018 (tempat ke-4 keseluruhan)

Kembara Apresiasi Alam

CBL



Kelab Kembara (KREX) UMT buat kali ke-2 berturut-turut telah berjaya mengukir nama UMT di puncak CBL pada 20 hingga 22 April 2018 yang mana pada tahun lalu telah diadakan pada 28 hingga 30 April 2017 bertemakan "Beautiful Terengganu D' CBL" dengan menyahut seruan Tahun Melawat Terengganu 2017. Pada kali ini, KREX sekali lagi telah berjaya menayakan program pendakian Gunung Chemerong, Berembun, Langsir bersama tetamu jemputan dari Kelab Kembara IPT lain iaitu Karen UNITEN, Kelab Kembara UTHM, Kresma UiTM Dan ARC IIUM. Program ini dilihat bukan sahaja dapat mendedahkan keunikan alam semulajadi di negeri Terengganu, bahkan juga dapat menjalin ukhuwah antara mahasiswa/i UMT, malahan juga kelab kembara IPT yang terdapat di Malaysia sekaligus memperkenalkan Terengganu dan UMT dengan lebih dekat kepada penuntut universiti yang lain. Berikutan daripada itu, kami berharap program ini dapat dijalankan pada setiap tahun sebagai program tahunan Kelab Kembara (KREX) UMT.






MAKAN DENGAN CARA ANDA UNTUK KULIT YANG BERSERI

Kita sedia maklum bahawa semua orang memiliki krim kecantikan wajah dan juga rawatan yang mungkin menjadi antara kegemaran mereka, namun harus diingat bahawa kulit yang cantik bermula dengan pemakanan yang sihat. Sel-sel lama di dalam badan akan mati dan digantikan dengan sel yang baru. Amalan pemakanan yang seimbang dapat membantu memberikan nutrient yang diperlukan oleh kulit untuk terus kekal sihat dan tiada cela.

Kedutan di muka adalah merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana ianya merupakan satu proses semula jadi yang berlaku pada wajah. Namun begitu, penuaan pada kulit pula boleh berlaku dengan cepat apabila kulit terdedah di bawah sinaran matahari dalam jangka masa yang lama. Oleh yang demikian, rawatlah kulit dengan cara yang betul, iaitu dengan cara pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran yang kaya dengan anti-oksidan, lemak sihat daripada kacang, minyak ikan



dan juga melalui pelbagai diet yang seimbang. Semua ini haruslah merangkumi beta-karotin vitamin C dan E, zink dan zat besi yang lain. Vitamin C merupakan salah satu makanan yang sangat kaya dengan anti-oksidan yang sangat diperlukan untuk membina sistem immune dan juga untuk kulit yang cerah dan berseri. Antara sumber vitamin C yang lain ialah brokoli, jambu batu, kiwi, betik, strawberi dan juga kentang manis. Vitamin C diperlukan untuk menghasilkan kolagen yang akan menguatkan saluran darah yang menghubungkan ke kulit kita. Kesimpulannya, untuk mendapatkan kulit yang sihat, seseorang itu tidak perlu berbelanja ribuan ringgit. Hanya bermula dengan gaya pemakanan yang sihat.

AMALAN DI BULAN RAMADAN



SOLAT FARDU

SUBUH
ZOHOR
ASAR
MAGHRIB
ISYAK



SOLAT SUNAT

TARAWIH
WITIR
TAHAJUD
TAUBAT
DHUHA



IBADAT

BERZIKIR
BERSEDEKAH
ZAKAT FITRAH
MEMBACA AL-QURAN
MENUNAIKAN UMRAH



UMUM

BERSAHUR
NIAT PUASA
IKTIKAF DI MASJID
BERBUKA PADA WAKTUNYA
MENINGGALKAN KEMUNGKARAN

DARIPADA ABU HURAIRAH RA BAHAWA NABI SAW BERSABDA:
"SESIAPA YANG BERPUASA RAMADAN KERANA IMAN & KETAATAN
KEPADA ALLAH, SERTA MENGHARAPKAN KEREDHAANNYA,
AKAN DIAMPUNKAN SEMUA DOSANYA YANG TELAH LEPAS".
(HADITH RIWAYAT AL-BUKHARI DAN MUSLIM)



LIKE AND FOLLOW US ON



**penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt**